



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 13 JUN 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KEMENTERIAN PERTANIAN AKAN LAKUKAN PEMBENIHAN AWAN DI KELANTAN BERMULA 21 JUN INI, HM -ONLINE KPKM SETUJU LAKSANAKAN PEMBENIHAN AWAN DI KELANTAN, LOKAL, HM -19	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4.	PERMOHONAN KORBAN MEROSOT 60 PERATUS, NEGARA, KOSMO -14 JANGAN BELI RUMINAN SELUDUP UNTUK DIBUAT IBADAH, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5. 6. 7.	MANFAAT DARI SUMBER IKAN PEROSAK, KUALA PILAH, SH -25 DIOLAH JADI MAKANAN KITA, LOKAL, HM -18 RASA SEPERTI ISI AYAM, TAK HANYIR, KITA, LOKAL, HM -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	TAMBAHAN INSENTIF BELUM CUKUP TAMPUNG KOS TANAM PADU, DALAM NEGERI, UM -29	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
9. 10. 11. 12. 13. 14.	RUGI RM58 JUTA KERANA KEMARAU, LOKAL, HM -19 PESAWAH KADA TERJEJAS KEMARAU RUGI RM58j, NEGARA, KOSMO -14 PESAWAH DI KELANTAN RUGI RM58 JUTA AKIBAT KEMARAU, KOTA BHARU, SH -25 CUACA PANAS JEJAS 8,900 HEKTAR SAWAH, KERUGIAN RM58 JUTA - KADA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE PESAWAH DI KELANTAN RUGI RM58 JUTA AKIBAT KEMARAU, NASIONAL, BH -21 KEMARAU: PESAWAH KELANTAN ALAMI KERUGIAN RM58 JUTA, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

Kementerian Pertanian akan lakukan pembenihan awan di Kelantan bermula 21 Jun ini



Pembenihan awan di Kelantan 21 bermula Jun ini.

Kota Bharu: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersetuju untuk melakukan pembenihan awan di Kelantan bermula 21 Jun ini, susulan pesawah berdepan kerugian besar akibat kemarau berpanjangan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) Muhammad Husain berkata, pembenihan awan akan dibuat sebanyak tiga kali bermula 21 hingga 23 Jun.

Katanya, memandangkan tumpuan sekarang untuk memperbanyakkan air sungai bagi membolehkan pam berfungsi, pembenihan awan itu dijangka dilakukan di Hulu Kelantan.

"Setakat ini saya baru dimaklumkan oleh pihak kementerian berhubung pembenihan awan yang akan dilakukan di Kelantan.

"Sekarang di Kelantan, padi sudah dituai dan fokus kita adalah mahu memperbanyakkan air sungai supaya pam Kada dapat beroperasi.

"Justeru, kita jangkakan lokasi pembenihan awan itu dijangka dibuat di Hulu Kelantan. Sebarang maklumat terperinci saya akan maklumkan nanti," katanya ketika dihubungi.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan, 3,587 pesawah di Kelantan mengalami kerugian RM58 juta akibat musim kemarau sejak Mac lalu.

Kerugian itu membabitkan keluasan hampir 8,900 hektar sawah.



PESAWAH menabur Dolomite untuk merawat tanah berikutan sawah terbiar di Kampung Apa-Apa, Pasir Mas. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Rugi RM58 juta kerana kemarau

3,587 pesawah di Kelantan terjejas sejak Mac lalu

Oleh Nor Fazlina
Abdul Rahim
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Seramai 3,587 pesawah di Kelantan kerugian RM58 juta akibat musim kemarau sejak Mac lalu membatik sawah seluas kira-kira 8,900 hektar.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) Muhammad Husain berkata, ia dilaporkan Jawatankuasa

Penilaian Tabung Bencana Tanaman Padi Peringkat Kada.

"Kada sudah membentangkan satu laporan serta cadangan bantuan kepada Jabatan

"Kada sudah membentangkan satu laporan serta cadangan bantuan"

Pengerusi Kada
Muhammad Husain

Pertanian Kelantan untuk mendapatkan kelulusan di peringkat Persekutuan.

"Kada berharap bantuan yang dipohon diluluskan kementerian. Kada juga mengalu-alukan usaha dan bantuan semua pihak, terutamanya kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan, untuk sama-sama meringankan beban ditanggung petani dan pesawah," katanya pada kenyataan media, semalam.

KPKM setuju laksanakan pembenihan awan di Kelantan

Kota Bharu: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersetuju untuk melakukan pembenihan awan di Kelantan bermula 21 Jun ini, susulan pesawah berdepan kerugian besar akibat kemarau berpanjangan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) Muhammad Husain berkata, pembenihan awan dibuat sebanyak tiga kali bermula 21 hingga 23 Jun ini.

Katanya, memandangkan tumpuan sekarang untuk memperbanyakkan air sungai bagi membolehkan pam berfungsi, pembenihan awan itu dijangka dilakukan di Hulu Kelantan.

"Setakat ini saya baru dimaklumkan oleh pihak kementerian berhubung pembenihan awan yang akan dilakukan di Kelantan.

"Sekarang di Kelantan, padi sudah dituai dan fokus kami adalah mahu

memperbanyakkan air sungai supaya pam Kada dapat beroperasi.

"Justeru, kami jangkakan lokasi pembenihan awan itu dibuat di Hulu Kelantan. Sebarang maklumat terperinci saya akan maklumkan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan, 3,587 pesawah di Kelantan mengalami kerugian RM58 juta akibat musim kemarau sejak Mac lalu.

8,900 hektar sawah di enam jajahan terkesan

Pesawah Kada terjejas kemarau rugi RM58j

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

KOTA BHARU – Pesawah di enam jajahan kendalian Lembaga Kemajuan Pertanian Kembo (Kada) mengalami kerugian RM58 juta akibat kemarau yang melanda negara sejak Mac lalu.

Pengerusi Kada, Muhammad Hussain berkata, Jawatankuasa Penilaian Tabung Bencana Tanaman Padi Peringkat Kada telah melaporkan hampir 8,900 hektar sawah padi mengalami kemusnahan akibat musibah tersebut.

Menurutnya, daripada jumlah keluasan itu, jumlah kerugian RM58 juta perlu ditanggung oleh para pesawah di bawah enam jajahan Kada.

"Saya dan seluruh warga kerja Kada memandang serius akan perkara ini. Sehubungan itu, Kada telah membentangkan satu laporan dan cadangan bantuan kepada Jabatan Pertanian Negeri



KERATAN Kosmo! 5 Jun 2024.

Kelantan untuk mendapatkan kelulusan di peringkat Persekutuan.

"Kada akan terus komited dan berusaha untuk mencari solusi yang terbaik untuk membantu para pesawah menghadapi kerugian yang ditanggung.

"Semoga bantuan yang dimohon mendapat kelulusan daripada pihak kementerian," katanya dalam kenyataan semalam.

Muhammad berkata, Kada berharap dan mengalu-alukan sebarang usaha dan bantuan daripada mana-mana pihak terutamanya daripada kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Menurutnya, bantuan itu sekali gus dapat meringankan beban yang ditanggung oleh petani dan pesawah akibat krisis kemarau yang melanda.

Kosmo! pada 5 Jun lalu melaporkan, Kerajaan Negeri Kelantan memperuntukkan dana RM1.8 juta melalui peruntukan pembangunan negeri di bawah Program Pembangunan Industri Padi bagi membantu pesawah yang terjejas akibat kemarau.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri, Tuan Mohd. Saripudin Tuan Ismail berkata, peruntukan itu dikhaskan untuk kawasan padi luar jelapang dengan pembinaan parit-parit ladang dan menyalurkan pam air untuk keperluan pesawah.

Menurutnya, petani di luar jelapang juga akan dipastikan supaya dapat memulakan kerja penyediaan tanah dan penanaman dengan lebih awal.



SEORANG pesawah menunjukkan bendangannya di Pinggu Bechah Semak, Pasir Mas yang kering akibat kemarau. — ROHANA ISMAIL



SEBAHAGIAN lembu tempatan yang menunggu tempahan untuk ibadah korban di Kuala Nerus semalam.

Permohonan korban merosot 60 peratus

KUALA TERENGGANU – Bilangan haiwan untuk ibadah korban di Terengganu untuk Aidiladha yang disambut minggu depan dijangka merosot sehingga 60 peratus.

Setakat ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu hanya menerima 873 permit sembelihan untuk ibadah korban berbanding 2,235 yang dikeluarkan tahun lalu.

Pengarah JPV Terengganu, Dr. Anun Man berkata, permohonan untuk ibadah korban yang dibuka sejak 26 Mei lalu itu membabitkan 2,053 ekor lembu, kerbau, kambing dan biri-biri.

Beliau berkata, sebagai perbandingan, sebanyak 5,181 ekor haiwan ruminan telah disembelih untuk ibadah korban pada musim perayaan Aidiladha sama tahun lalu.

"Begitupun saya menjangkakan permohonan permit sembelihan untuk ibadah korban di negeri ini dijangka meningkat pada saat-saat akhir menjelang Aidiladha pada Isnin depan.

"Pada masa sama, JPV Terengganu turut meluluskan 65 permit pemindahan masuk ternakan ke negeri ini memba-

bitkan 1,759 ekor ruminan," katanya di sini semalam.

Kosmo! pada 1 Jun lalu melaporkan, penternak di Terengganu mengeluh kerana tempahan lembu tempatan untuk ibadah korban tahun ini merosot teruk sehingga 70 peratus.

Seorang penternak, Mohd. Hasrul Helmi Ariffin, 36, mendakwa, ia disebabkan lambakan lembu import dari negara jiran yang terlalu murah.

Dr. Anun berkata, Terengganu mempunyai 10 rumah sembelihan termasuk tiga milik swasta bagi penyembelihan haiwan korban.

Kata beliau, umat Islam di negeri ini juga dibenarkan melakukan ibadah korban di luar rumah sembelihan seperti di masjid dan kediaman.

"Bekalan haiwan ruminan tersedia di Terengganu untuk korban mencukupi iaitu kira-kira 7,000 ekor. Sebanyak 96 peratus daripada ruminan itu merupakan lembu," katanya.

Tambahnya, seramai 106 pegawai teknikal dan 19 pegawai penguat kuasa JPV Terengganu ditugaskan di lokasi sembelihan bagi memastikan ternakan bebas penyakit.

Jangan beli ruminan seludup untuk dibuat ibadah

KUALA TERENGGANU – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu menasihatkan umat Islam yang berniat melaksanakan ibadah korban minggu depan tidak tersalah memilih haiwan ruminan seludup kerana dikuatir membawa risiko penyakit.

Pengarahnya, Dr. Anun Man berkata, walaupun haiwan seludup lebih murah, risiko mempunyai penyakit zoonotik yang boleh menjangkiti manusia amat

tinggi.

"Kebimbangan ini berasas kerana daripada enam kes rampasan haiwan seludup yang berjaya dilakukan JPV negeri sepanjang tahun ini, dua daripadanya disahkan berpenyakit.

"Haiwan ruminan terbahit didapati positif penyakit brucellosis," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Jelasnya, brucellosis merupakan penyakit zoonotik yang boleh merebak menjangkiti manusia.

Ujar beliau, penyakit disebabkan bakteria berkenaan boleh menyerang saluran penafasan dan sistem pencernaan manusia.

"Sehubungan itu, saya minta orang ramai agar berhati-hati dan tidak membeli sebarang haiwan ruminan seperti lembu dan kambing yang tidak diketahui asal sumbernya.

"JPV mendapati aktiviti penyeludupan haiwan dari negara jiran semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini," katanya.

Katanya, sebanyak 30 kes cubaan menyeludup ternakan dari negara jiran berjaya dipatahkan pihaknya sejak tahun lalu.

"Penguatkuasaan tersebut melibatkan rampasan keseluruhan berjumlah RM2.6 juta. Dua kes terbaru ialah di Setiu dan Dungun melibatkan penyeludupan lembu dan kambing.

"Kesemua 400 haiwan yang dirampas dalam dua operasi berkenaan disahkan menghidap penyakit zoonotik," katanya.



DR. ANUN

Manfaat dari sumber ikan perosak

Ikan bandaraya diekstrak jadi makanan alternatif ikan ternakan

Oleh STAMILAH ZULKIFLI
KUALA PILAH

Kebiasaannya, ikan bandaraya (Puntius natunensis) dilihat sebagai ikan perosak kepada ekosistem sungai, namun se-

benarnya boleh mendatangkan manfaat. Spesies berkenaan boleh dijadikan makanan alternatif kepada ternakan ikan dan ini dilakukan oleh seorang bekas juru siasat alam sekitar, Haidi Shafiq Haidzi, 38, daripada mengurangkan kos sehingga 70 peratus untuk memelihara ikan.

Menurut Haidi, kepada tiga anak itu, semuanya bermula selepas dia mengikuti komuniti pen- buru ikan terabit sejak lima tahun lalu. Pada masa itu, dia pernah melihat ikan bandaraya sebagai ikan perosak kepada ekosistem sungai, namun dia ter- luputan dengan cara mengali lubang untuk menemukannya.

"Dari situ saya terfikir daripada di- luputkan macam itu, kenapa tidak di- jadikan sumber ikan ternakan? Haidi berkata sebagai maknanya ikan."

Tambahnya, idea itu timbul selepas dia mengikuti kursus pembuatan makan- ah ternakan di Selayang. Selangor dan Kedah telah cuba melakukan eksperimen sendiri.

Ujarnya, ikan tersebut diancarkan terlebih dahulu dengan mesin pengisar daging dan kemudian dicampurkan de- ngan dedak anak ayam, dedak padi dan tepung ikan.

"Dedak ayam digunakan untuk tingkatan bau bagi menarik ikan untuk makan dan dedak padi pula sebagai sum- ber protein."

Kemudian digali sebati dan saya akan keluarkan EM atau disebut sebagai



Haidi menunjukkan ikan bandaraya yang ditangkap daripada komuniti penburu ikan perosak.

RM40,000 untuk satu pusingan. Itu kerana kos untuk membeli lagi nak jual makanan ikan yang dihasilkan ini dan ia hanya untuk kegunaan sendiri bagi keperluan ternakan tilapia saya," katanya. Selain itu, katanya, dia dalam per- bincangan dengan beberapa pihak, termasuk Selangor dan beberapa pelabur untuk menghasilkan produk makanan ikan ter- sebut.

Haidi berpendapat, penternakan ikan lain boleh menggunakan cara sama dan me- ngekalkan ikan bandaraya sebagai ikan ternakan. "Ia ditambah pula ikan bandaraya itu mudah diperoleh di sungai sekitar Lembah Klang."

"Kita bukan sahaja boleh menyemat- kan ekosistem sungai malah dapat jimat- kan kos ternakan," katanya.

Pesawah di Kelantan rugi RM58 juta akibat kemarau

KOTA BHARU - Jawatankuasa Pilihan Undi Negeri Kelantan (JKNK) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) melaporkan kira-kira 8,900 hektar sawah padi mengalami kemusnahan akibat kemarau.

Menteri Pertanian, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata, daripada jumlah itu, di- anggarakan kerugian pesawah enam bilion di bawah KADA berjumlah RM58 juta.

Seluaran itu katanya, KADA telah membentor- kan satu laporan dan cadangan bantuan kepada Jabatan Pertanian Kelantan untuk mengagihkan bekalan di peringkat Pesakutuan.

"Kerosakan akibat bencana kemarau dialami oleh pesawah sejak Mac lalu selain melaksanakan solid istiq di setiap dan kita memandang serius perkara ini," katanya.



KADA melaporkan kemusnahan 8,900 hektar sawah padi akibat kemarau dengan kerugian berjumlah RM58 juta.

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Kuala Pilah

IKAN BANDARAYA UMPAMA 'EMAS' BAGI PENTERNAK

Diolah jadi makanan ikan

Bagi sesetengah individu, ikan bandaraya tiada harga dan tidak dipandang, namun bagi seorang penternak ikan tilapia, spesies berkenaan umpama 'emas' bernilai.

Mana tidaknya, Heidi Shafiq Haidzir, 38, dapat menjimatkan 70 peratus daripada kos makanan dengan menghasilkan makanan ikan ternakannya menggunakan isi ikan bandaraya.

Dia antara penternak perintis yang menghasilkan makanan ikan secara industri daripada haiwan akuatik itu selepas melakukan pencarian dan pembacaan terhadap beberapa kajian membabitkan agrikultur.

Menurutnya, dia membuka kolam ternakan ikan tilapia di Kampung Tebing Tinggi, dekat sini, sejak Februari lalu dan kemudian menyertai Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya (KPIB) untuk menangkap ikan berkenaan.

"Setakat ini sudah dua kali saya menyertai komuniti untuk menangkap ikan bandaraya di sekitar Lembah Klang. Kebiasaannya ikan ini akan dilupuskan begitu sahaja.

"Melalui pembacaan terhadap kajian saintifik dalam industri agrikultur, makanan alami ikan adalah ikan itu sendiri. Selepas ditangkap, saya membawa pu-

lang ikan bandaraya ini ke kolam untuk diproses," katanya di sini, kelmarin.

Bapa tiga anak itu berkata, selepas disiang dan dihancurkan menggunakan mesin pengisar, isinya akan dicampur dengan telur ayam, dedak anak ayam, dedak padi dan organisma probiotik.

"Setiap bahan mempunyai fungsi tersendiri. Dedak bertujuan meningkatkan bau untuk menarik ikan makan supaya makan. Telur ayam pula sebagai sumber protein manakala probiotik membantu penghadaman.

"Selepas dicampur semua, isi ikan akan dimasukkan dalam plastik dan dibekukan. Ia bertujuan untuk menghilangkan lendir ikan bandaraya dan akan diberi makan dalam keadaan begitu," katanya.

Dia



"Ketika ini saya masih merekodkan data perkembangan ikan"
Heidi Shafiq

menetap di Semenyih. Selangor berkata, selain pembacaan dan kajian, dia menyertai kursus pembuatan makanan ternakan pada Mac lalu yang membantunya mendapatkan formula terbaik kandungan makanan ikan.

"Dalam masa terdekat saya akan berkongsi ilmu ini dalam kursus yang sedang dirancang bagi kebaikan industri kerana di negara ini kita sudah tinggal jauh ke belakang berbanding negara jiran," katanya.



HEIDI Shafiq menunjukkan ikan bandaraya yang ditangkap untuk dijadikan makanan ikan di kolam ternakan ikan tilapia di Kampung Tebing Tinggi, Kuala Pilah. - Gambar NSTP/AZUL EDHAM



IKAN bandaraya akan diproses untuk dijadikan makanan ikan ternakan.

Ditanya sama ada mahu menghasilkan makanan ternakan daripada ikan bandaraya secara komersial, Heidi Shafiq berkata,

"Ketika ini saya masih merekodkan data perkem-

banan ikan selain pengeluaran secara komersial memerlukan kilang lebih besar, sedangkan saya hanya buat untuk kolam sendiri dalam jumlah kecil.

"Berdasarkan rekod dan data, tumbesaran ikan tilapia yang makan makanan ini adalah normal, tidak lambat dan tidak juga cepat selain kualiti air juga memuaskan. Jadi, bagi saya, isi ikan bandaraya ini sesuai dan tidak bermasalah," katanya.

Heidi Shafiq yang kini menternak 5.6 tan ikan tilapia berkata, dia dapat menjimatkan kos kira-kira RM40,000 berbanding menggunakan makanan ikan kebiasaannya.

Kuala Pilah: Tidak ramai mahu menjadikan ikan bandaraya sebagai juadah kerana bentuk fizikal dan cara pemakanannya, namun ada individu yang bijak mengambil faedah daripada haiwan akuatik ini.

Ahli Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya (KPIB), Ahmad Nawawi Husin, 31, berkata, isi ikan bandaraya boleh dijadikan makanan haiwan ternakan dan peliharaan.

"Seperti yang dilakukan penternak ikan di Kuala Pi-

lah, Heidi Shafiq yang mencipta sendiri ramuan serta makanan ikan tilapia untuk kolamnya yang mana dia dapat menjimatkan kos makanan.

"Isi ikan bandaraya ini juga boleh dijadikan makanan haiwan peliharaan

Rasa seperti isi ayam, tak hanyir

seperti anjing atau kucing, cuma pihak yang mempunyai kepakaran perlu mencari bahan dan kandungan yang sesuai supaya ia tidak menjejaskan kesihatan dan pembesaran haiwan," katanya di sini, kelmarin.

Menurutnya, telur ikan bandaraya boleh dijadikan umpan untuk memancing dan harganya boleh mencecah RM60 sekilogram.

"Malah, hasil kajian juga mendapati kandungan merkuri ikan bandaraya lebih rendah berbanding ikan yang biasa kita makan seperti gelama, selar kuning dan siakap. Ia selamat dimakan.

"Namun, buat masa sekarang tiada lagi yang menjadikan ikan bandaraya ini sebagai makanan secara komersial atau be-

sar-besaran.

"Ada dalam kalangan ahli komuniti cuba memasak beberapa resipi menggunakan ikan bandaraya antaranya masak lemak cili api, *butter milk*, malah terbaharu ada yang buat sate.

"Rasanya enak seperti isi ayam dan tidak hanyir langsung namun ia bergantung kepada penerimaan serta selera masing-masing," katanya.

Menurutnya, tujuan penubuhan KPIB adalah untuk menghapuskan ikan bandaraya daripada ekosistem sungai tempatan dan

sehingga kini ahlinya sudah mencecah lebih 2,000 orang.

"Kebiasaannya ikan ini dilupuskan, namun jika ia memberi faedah atau manfaat kepada orang lain, perkara ini patut dilakukan. Bagaimanapun, kami juga bimbang sekiranya ada yang salah guna.

"Maksudnya, apabila ikan ini ada kegunaannya, ada yang bela dan menjadikannya sebagai pendapatan. Spesies ini senang membiak dan dibimbangi akan menimbulkan masalah lebih serius," katanya.

Tambahan insentif belum cukup tampung kos tanam padi

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulla.com.my

ALOR SETAR: Meskipun meng-
harga pemberian insentif pem-
bajaan dan penuaian sebanyak
RM210, petani menyifatkan
jumlah itu belum mencukupi
untuk menampung peningka-
tan kos mengusahakan tanaman
padi.

Bercakap kepada *Utusan Ma-
laysia*, Pengerusi Badan Bertin-
dak Petani di kawasan MADA,
Che Ani Mat Zain berkata, ban-
tuan itu tidak dapat membiyai
100 peratus kos tambahan yang
diperlukan pesawah setiap
musim.

Katanya, dengan jangkaan
sekurang-kurangnya 20 peratus
kenaikan kos mengusahakan
tanaman padi disebabkan pe-
ningkatan harga diesel, bantuan
itu sudah pasti digunakan sepe-
nuhnya untuk menampung ke-
naikan terbahit.

"Berdasarkan harga diesel
lama, anggaran kasar kos me-
nyewa mesin padi dan trak-
tor membajak adalah kira-kira
RM1,500 sehektar. Jika kenaikan
sekitar 20 peratus, kami perlu
mengeluarkan kira-kira RM300
untuk menampung kos tamba-
han.

PESAWAH dijangka
berdepan kenaikan
kos mengusahakan
tanaman padi pada
musim ini. - UTUSAN/
SHAHIR NOORDIN



"Sedangkan insentif itu
berjumlah RM210 sehektar.
Mahu tidak mahu baki lagi
RM90 perlu dikeluarkan dari
pada poket petani yang sudah
tentu memberi kesan kepada
perbelanjaan menanam padi.

Bayangkan pula jika kenaikan
mencecah 30 peratus atau le-
bih," katanya.

Terdahulu, Kementerian Per-
tanian dan Keterjaminan Ma-
knan (KPKM) mengumumkan,
seramai 130,000 pesawah di Se-

menanjung menerima bantuan
insentif pembajaan dan insen-
tif penuaian sebanyak RM210
sehektar per musim.

Kenyataan KPKM itu menye-
but, ia sebagai menambah baik
kadar sedia ada insentif pen-

bajaan iaitu daripada RM100
sehektar per musim kepada
RM160 selain memperkenalkan in-
sentif baharu penuaian pada ka-
dar RM50 sehektar per musim.

Menurut Che Ani, petani juga
perlu memikirkan kos-kos in-
put pertanian lain seperti benih
padi, racun dan baja yang di-
jangka turut naik akibat kos
pengangkutan yang meningkat
ketika ini.

Ujarnya, beban kenaikan kos
pengeluaran padi dan harga
belian padi dilihat masih tidak
seimbang, malah akan terus
memberi tekanan terutaman
kepada pesawah yang hanya
mengusahakan sawah dengan
keluasan kurang tiga hektar.

"Kebanyakan petani di Ke-
dah dan Perlis hanya ada sawah
kurang tiga hektar, jualan hasil
padi kadangkala tak cukup pun
hendak bayar sewa jentera. Ada
pesawah selepas tolak hutang
musim lalu, masih lagi berhu-
tang.

"Sebab itu golongan pesawah
melihat bantuan yang diberikan
kerajaan kepada kami masih
tidak seimbang dengan kos
pengeluaran padi yang sebe-
narnya sehingga ramai petani
tidak lagi sanggup mengusaha-
kan sawah mereka," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Cuaca panas jejas 8,900 hektar sawah, kerugian RM58 juta – KADA



Gambar hiasan

KOTA BHARU – Sejumlah 8,900 hektar sawah padi seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) terjejas akibat cuaca panas sejak Mac lepas dengan anggaran kerugian bernilai RM58 juta.

Pengerusinya, Muhammad Husain berkata menurut Jawatankuasa Penilaian Tabung Bencana Tanaman Padi Peringkat KADA melaporkan

keluasan itu membabitkan seramai 3,587 pesawah di jajahan Pasir Mas, Pasir Puteh, Tumpat dan Kota Bharu.

“KADA memandang serius perkara ini dan telah membentangkan satu laporan serta cadangan bantuan kepada Jabatan Pertanian Negeri Kelantan untuk mendapatkan kelulusan di peringkat Persekutuan,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Muhammad berkata, KADA juga komited dan berusaha untuk mencari solusi terbaik bagi membantu pesawah yang menghadapi kerugian serta berharap bantuan yang dimohon mendapat kelulusan pihak kementerian.

“KADA juga mengalu-alukan sebarang usaha dan bantuan daripada mana-mana pihak terutamanya kerajaan negeri dan Persekutuan untuk sama-sama meringankan beban ditanggung petani dan pesawah,” katanya.

Beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) hari ini juga turut mengumumkan dua insentif khas bagi pesawah iaitu insentif pembajakan dinaikkan daripada RM100 kepada RM160 dan insentif penuaian padi pada kadar RM50 sehektar setiap musim.

“Menerusi dua insentif ini, seramai 7,439 pesawah seliaan KADA akan menerima bantuan tunai berjumlah RM210 sehektar untuk semusim,” katanya. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	21

Pesawah di Kelantan rugi RM58 juta akibat kemarau

Kota Bharu: Seramai 3,587 pesawah di Kelantan mengalami kerugian sebanyak RM58 juta akibat musim kemarau sejak Mac lalu.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Muhammad Husain, berkata kerugian itu membabitkan keluasan hampir 8,900 hektar sawah.

“Saya dimaklumkan mengenai kerosakan akibat bencana kemarau yang dihadapi oleh pesawah sejak Mac lalu.

“Jawatankuasa Penilaian Tabung Bencana Tanaman Padi Peringkat KADA melaporkan hampir 8,900 hektar sawah musnah akibat musibah berkenaan.

“Daripada jumlah itu, kerugian ditanggung secara keseluruhan sebanyak RM58 juta di enam jajahan KADA,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Beliau juga berkata, KADA memandang serius perkara berkenaan dan sudah membentangkan satu laporan serta cadangan bantuan kepada Jabatan Pertanian Kelantan untuk mendapatkan kelulusan di peringkat Persekutuan.

“KADA akan terus komited



Pesawah menabur dolomit untuk merawat tanah berikutan sawah terbiar akibat musim kemarau berpanjangan, di Kampung Apa-Apa, Pasir Mas.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

dan berusaha untuk mencari penyelesaian terbaik bagi membantu pesawah menghadapi kerugian yang ditanggung.

“Semoga bantuan yang dimohon mendapat kelulusan pihak kementerian. KADA juga mengalu-alukan sebarang usaha dan bantuan daripada mana-mana pihak, terutama kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk meringankan beban yang ditanggung petani dan pe-

sawah,” katanya.

Sementara itu, ketika dihubungi Muhammad berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersetuju untuk melakukan pembenihan awan di Kelantan bermula 21 Jun ini susulan pesawah berdepan kerugian besar akibat kemarau berpanjangan.

Beliau berkata, pembenihan awan akan dibuat sebanyak tiga kali bermula 21 hingga 23 Jun.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/6/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Kemarau: Pesawah Kelantan alami kerugian RM58 juta

Oleh YATIMIN ABDULLAH
yatimin.abdullah@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Kemarau yang melanda negeri ini sejak Mac lalu menyaksikan seramai 3,587 pesawah dibawah selian Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mengalami kerugian sebanyak RM58 juta.

Pengerusinya Muhammad Husain berkata, jumlah yang direkodkan itu membabitkan keluasan hampir 8,900 hektar sawah di enam jajahan hasil laporan Jawatankuasa Penilai Tabung Bencana Tanaman Padi Peringkat KADA.

Menurutnya, KADA memandang serius perkara berkenaan dan sudah membentangkan satu laporan serta cadangan bantuan kepada Jabatan Pertanian Kelantan untuk mendapatkan kelulusan di peringkat Persekutuan.

"KADA akan terus komited dan berusaha untuk mencari solusi yang terbaik bagi membantu para pesawah menghadapi kerugian yang ditanggung," katanya menerusi kenyataan media di sini semalam.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, Kerajaan Negeri Kelantan memperuntukkan dana sebanyak RM1.8 juta melalui peruntukan pembangunan



ABDULLAH Mat Yusoff menunjukkan padinya yang terjejas akibat kemarau di bendang Teluk Jering Tumpat.
- UTUSAN/ROHANA ISMAIL

negeri di bawah Program Pembangunan Industri Padi bagi membantu pesawah terjejas akibat kemarau.

Dalam pada itu, kira-kira 15 pesawah di tiga buah bendang iaitu Teluk Jering, Kajang

Sebidang dan Cherang Melintang mendakwa kerugian lebih RM100,000 selepas padi yang diusahakan rosak akibat kemarau.

Lebih memeritkan, mereka tidak sempat mendaftar kerosakan

kan padi dengan KADA kerana permohonan itu sudah tamat tempoh.

Abdullah Mat Yusoff, 61, berkata, mereka gagal mendaftar kerana semasa pendaftaran padi masih belum dituai.